

**DRIVER-GET-PASSENGER (RELOAD SOFTPIN) CAMPAIGN  
TERMS AND CONDITIONS**

1. This Campaign shall be valid from 16<sup>th</sup> May 2019 until 31<sup>st</sup> December 2019 unless extended by TNG Digital Sdn Bhd (“TNGD”).
2. The incentive is applicable for registered Touch ‘n Go eWallet drivers who accept payment via:
  - a. Static QR Code which is physically displayed in the Taxi (“**Static QR Driver**”) and,
  - b. Dynamic QR Code via On-boarding Partner’s e-hailing apps platform (“**Dynamic QR Driver**”)

(hereinafter collectively referred to as “**Driver**”)

3. In order to participate in this Campaign, the Driver is required to obtain the Reload Soft Pin only from authorized TNGD On-boarding Partner. An authorized TNGD On-boarding Partner (“**OBP**”) shall mean an appointed partner by TNGD to assist TNGD on any activities related to onboarding/acquiring Drivers to adopt and subscribe to the TNGD Mobile Payment Service and enable Users to pay fares using the TNGD Mobile App. List of OBP can be found at TNGD website at [www.tngdigital.com](http://www.tngdigital.com)
4. The Driver is required to promote the usage of the Touch ‘n Go eWallet to their customer(s) and encourage their customer(s) to make payment for their fare via the Touch ‘n Go eWallet.
5. The Reload Soft Pin shall only be provided to New Users (defined below).
6. New Users to the Touch ‘n Go eWallet is defined as customers who have not registered for the Touch ‘n Go eWallet and such customers complete their registration process and reload their account using the Reload Soft Pin provided by the Driver. In the event the New User does not reload their account with the Reload Soft Pin provided by the Driver, it shall not be counted as a New User acquired by the Driver.
7. Each Reload Soft Pin provided to the Driver shall expire at the relevant date as stated on the Reload Soft Pin. The Driver is required to dispose of all unused Reload Soft Pin upon expiry.
8. For each New User acquired by the Driver, TNGD is agreeable to pay the consideration sum of RM4 to the Driver based on the payment method as follows:
  - a. For QR Static Driver, payment will be paid to your registered bank account. TNGD will submit a report on the number of New User acquired by you at the end of each calendar month and TNGD will make payment within forty five (45) days from such report.
  - b. For QR Dynamic Driver, TNGD will make the payment to the OBP and the OBP will distribute the payment to the QR Dynamic Driver. At the end of each calendar month, TNGD will submit a report to the OBP on the number of New Users acquired whereupon TNGD will make payment to OBP within forty five (45) days from receipt of the invoice. The OBP will then distribute the payment to Dynamic QR Driver based on their own internal tracking report for the Reload Soft Pin’s distribution to the Dynamic QR Drivers.
9. In the event of any dispute regarding the report, the parties herein agree that the information collated by TNGD shall be the true and final version of the report.

10. For Static QR Driver, the terms of this Campaign shall be read together with the Merchant Agreement to the effect that any interpretation or construction of the parties' relationship shall make the best commercial sense, and all other terms of the Merchant Agreement affected by the modifications made by the terms hereunder shall be accordingly adjusted.
11. For Dynamic QR Driver, the terms and conditions of this Campaign shall be subject to any additional terms and conditions imposed by the OBP. In the event of any dispute in relation to this Campaign, the Dynamic QR Driver shall raise such disputes with the OBP. TNGD shall not be liable for any losses, and/or damages suffers by the Dynamic QR Driver due to any reason whatsoever except due to any gross negligence or wilful default of TNGD.
12. TNGD shall be entitled to disqualify anyone who has any suspicious activities in carrying out this Campaign. TNGD shall further be entitled to take any form of action against anyone who abuses the Campaign or attempts to circumvent the terms and conditions herein.
13. By participating in this Campaign, you agree to abide to and be bound by the Campaign Terms and Conditions including any amendments, deletion or variations thereto as well as any decisions made by TNGD.
14. TNGD reserves the right to amend, delete or vary this Campaign Terms and Conditions by giving seven (7) days prior notice of such amendment, deletion or variation and you shall be bound to such changes. Such notice shall be posted on TNGD website or any other communication media selected by TNGD, including but not limited to "*WhatsApp*", SMS or email.
15. This Terms and Conditions shall be governed by the laws of Malaysia and any dispute arising out of or in connection with this Campaign shall be referred to the exclusive jurisdiction of courts of Malaysia.
16. TNGD decision is final. Any correspondence pertaining to the decision made by TNGD will not be entertained.
17. Further information related to this campaign can be found at TNGD website at <https://www.tngdigital.com.my/jomteks.html>

Information updated as of 16<sup>th</sup> May, 2019

**KEMPEN PEMANDU-DAPAT-PENUMPANG (NOMBOR PIN TAMBAH NILAI)  
TERMA DAN SYARAT**

1. Kempen ini sah dalam tempoh 16hb Mei 2019 sehingga 31hb Disember 2019 kecuali sekiranya dilanjutkan oleh TNG Digital Sdn Bhd ("TNGD").
2. Insentif ini hanya terpakai kepada pemandu yang berdaftar dengan Touch 'n Go *eWallet* dan menerima pembayaran melalui :
  - a. Kod Statik QR yang mana secara fizikal dipaparkan di dalam teks ("Pemandu Statik QR")
  - b. Kod Dinamik QR iaitu melalui rakan niaga *On-Boarding* yang menggunakan platform aplikasi *e-hailing* ("Pemandu Dinamik QR") (seterusnya akan dirujuk sebagai "Pemandu")
3. Bagi menyertai Kempen ini, Pemandu perlu mendapatkan Nombor Pin Tambah Nilai (*Reload Soft Pin*) daripada rakan niaga *On-Boarding* TNGD yang sah. Rakan niaga *On-Boarding* TNGD yang sah ("**OBP**") ialah rakan niaga yang telah dilantik oleh TNGD bagi membantu TNGD dalam apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan *onboarding*/mendapatkan Pemandu bagi menggunakan pakai dan melanggan Servis Pembayaran Mudah Alih TNGD dan membolehkan Pengguna untuk membayar tambang menggunakan Aplikasi Mudah Alih TNGD. Senarai OBP boleh diperolehi di laman web <https://www.tngdigital.com.my/jomteks.html>
4. Pemandu dikehendaki untuk mempromosi penggunaan Touch 'n Go *eWallet* kepada pelanggan mereka dan menggalakkan pelanggan mereka untuk membuat pembayaran kadar tambang melalui Touch 'n Go *eWallet*.
5. Nombor Pin Tambah Nilai (Reload Soft Pin) hanya diperuntukkan kepada Pengguna Baharu sahaja (rujuk definisi di bawah)
6. Pengguna Baharu bagi Touch 'n Go *eWallet* adalah dimaksudkan dengan pelanggan yang belum pernah berdaftar dengan Touch 'n Go *eWallet* dan pelanggan yang berjaya melengkapkan proses pendaftaran mereka dan tambah nilai akaun mereka menggunakan Nombor Pin Tambah Nilai (Reload Soft Pin) yang diberikan oleh Pemandu, itu tidak dikira sebagai Pengguna Baharu yang Pemandu perolehi.
7. Setiap Nombor Pin Tambah Nilai (Reload Soft Pin) yang diberikan kepada Pemandu akan tamat tempoh pada tarikh yang tertera di Nombor Pin Tambah Nilai (Reload Soft Pin). Pemandu dikehendaki untuk melupuskan semua Nombor Pin Tambah Nilai (Reload Soft Pin) yang masih belum digunakan setelah tamat tempoh.
8. Bagi setiap Pengguna Baharu yang diperolehi Pemandu, TNGD bersetuju untuk membayar nilai sewajarnya yang berjumlah RM4 kepada Pemandu berdasarkan kaedah pembayaran seperti berikut:
  - a. Bagi Pemandu Statik QR, pembayaran akan dibayar melalui akaun bank anda yang berdaftar. TNGD akan menghantar laporan berkenaan bilangan Pengguna Baru yang anda perolehi pada setiap hujung bulan dan TNGD akan membuat pembayaran dalam tempoh empat puluh lima (45) hari dari tarikh laporan dikeluarkan.
  - b. Bagi Pemandu Dinamik QR, TNGD akan membuat pembayaran kepada OBP dan OBP akan mengagihkan pembayaran kepada Pemandu Dinamik QR. Pada setiap hujung bulan, TNGD akan menghantar laporan kepada OBP berkenaan bilangan Pengguna Baru yang diperolehi di mana TNGD akan membuat pembayaran kepada OBP dalam tempoh empat puluh lima (45) hari

dari tarikh penerimaan inoivis. OBP kemudiannya akan mengagihkan pembayaran kepada Pemandu Dinamik QR berdasarkan laporan mereka berkenaan pengagihan Nombor Pin Tambah Nilai (Reload Soft Pin) kepada Pemandu Dinamik QR.

9. Sekiranya terdapat pertikaian berkaitan dengan laporan, pihak yang berkenaan bersetuju bahawa maklumat yang diberikan oleh TNGD adalah benar dan merupakan versi akhir laporan.
10. Bagi Pemandu Statik QR, terma bagi Kempen ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Perniagaan yang mana memberi kesan bagi apa-apa tafsiran atau pembangunan hubungan antara pihak dalam memastikan logik komersial yang terbaik, dan semua terma di dalam Perjanjian Perniagaan yang terjejas akibat daripada pengubahsuaian yang dibuat di bawah terma ini hendaklah diselaraskan dengan sewajarnya.
11. Bagi Pemandu Dinamik QR, terma dan syarat kempen ini adalah bergantung kepada apa-apa penambahan terma dan syarat yang dikenakan ke atas OBP. Sekiranya terdapat apa-apa isu yang berkaitan dengan Kempen ini, Pemandu Dinamik QR hendaklah membawa isu tersebut kepada OBP. TNGD tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan, dan/atau kerosakan yang dihadapi oleh Pemandu QR Dinamik di atas sebab apa-apa pun kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau kelalaian pihak TNGD.
12. TNGD adalah berhak untuk membatalkan sesiapa sahaja yang mempunyai aktiviti yang mencurigakan sepanjang menjalankan Kempen ini. TNGD juga berhak untuk mengambil sebarang bentuk tindakan terhadap sesiapa sahaja yang menyalahgunakan Kempen ini atau percubaan untuk melanggar sebarang Terma dan Syarat yang telah ditetapkan.
13. Dengan menyertai Kempen ini, anda telah bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan Terma dan Syarat Kempen termasuk sebarang pindaan, pemadaman atau perubahan dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh TNGD.
14. TNGD mempunyai hak untuk meminda, memadamkan atau mengubah Terma dan Syarat Kempen ini dengan memberikan tempoh tujuh (7) hari notis sebelum pindaan, pemadaman atau perubahan dan anda adalah terikat dengan sebarang bentuk perubahan tersebut. Sebarang notis akan dimuat naik melalui laman web TNGD serta melalui sebarang bentuk komunikasi media yang lain bergantung kepada TNGD, termasuklah melalui aplikasi "WhatsApp", SMS atau emel.
15. Terma dan syarat ini akan ditadbir di bawah Undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian yang timbul atau berkaitan dengan Kempen ini akan dirujuk ke bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
16. Keputusan TNGD adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat berkaitan dengan keputusan yang telah dibuat oleh TNGD tidak akan dilayan.
17. Sebarang maklumat lanjut berkaitan dengan Kempen ini boleh didapati di laman web TNGD iaitu <https://www.tngdigital.com.my/jomteks.html>

Maklumat dikemaskini pada 16hb Mei, 2019